



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG
PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG
PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK
TAHUN 2023**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

1. TUJUAN

Pelaksanaan Kempen Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik melalui pengenaan caj penggunaan beg plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada hari Sabtu setiap minggu di negeri Perak adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri Perak bagi mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna di kalangan rakyat negeri ini demi menjamin kelestarian alam sekitar.

Selain itu, kempen ini merupakan salah satu inisiatif yang digariskan dalam **Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 - 2030** (*Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018 – 2030*). Garis Panduan Pelaksanaan kempen ini disediakan sebagai panduan dan rujukan serta memudahcara semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kempen ini.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan satu polisi yang seragam melalui Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 - 2030 yang telah dilancarkan pada 17 Oktober 2018 dalam membantu Kerajaan Negeri untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di kalangan masyarakat negara ini melalui pengenaan caj pencemaran ke atas setiap helai beg plastik yang dibekalkan oleh premis perniagaan kepada pengguna selepas sesuatu transaksi pembelian dijalankan.

Selain itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan semasa Perasmian Mesyuarat Pertama Tahun Kelima Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas pada 28 Mac 2022 yang lalu telah menitahkan agar semua Jabatan Kerajaan, masjid, rumah ibadat, sekolah, pusat tahfiz, badan bukan kerajaan dan belia, hendaklah membantu kempen untuk rakyat meminimumkan penggunaan beg plastik dan tidak membuang sisa plastik ke dalam parit, tasik, saluran dan sungai atau dibiarkan tertinggal bersepah di bumi.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

3. OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan kempen ini adalah seperti berikut:-

- a) Mengurangkan kuantiti penggunaan beg plastik di kalangan masyarakat di negeri Perak;
- b) Meningkatkan kesedaran orang awam dalam memelihara alam sekitar yang pencemarannya disebabkan oleh pembuangan beg plastik;
- c) Meminimumkan sebahagian daripada punca pencemaran dan penggunaan bahan-bahan plastik yang mengundang kemudaratan kepada kesihatan masyarakat dan ekosistem secara keseluruhannya;
- d) Sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan kes demam denggi di lokaliti tertentu disebabkan oleh pembuangan beg plastik secara berleluasa ke laluan air, parit atau longkang yang menyebabkan air bertakung dan menjadi punca tempat pembiakan nyamuk aedes; dan
- e) Sebagai salah satu sumber hasil kepada PBT melalui suatu kutipan atau caj pencemaran yang dapat digunakan semula untuk tujuan kemudahan kepada rakyat di negeri Perak.

4. DEFINISI DAN KONSEP

Kempen Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik melalui pengenaan caj penggunaan beg plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada hari Sabtu setiap minggu di negeri Perak akan menggunakan konsep pengenaan kutipan caj penggunaan beg plastik sebanyak RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis-premis perniagaan yang ditetapkan. Hasil kutipan yang diperolehi daripada pengenaan caj penggunaan beg plastik ini perlu diserahkan oleh premis perniagaan berkenaan kepada PBT yang berkaitan di mana premis itu terletak.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg jinjit yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran oleh premis perniagaan bagi tujuan mengisi barang pembelian selepas suatu transaksi urusan dilakukan. Komponen asas beg plastik ini pada asasnya dihasilkan daripada bahan plastik (*biodegradable atau non- biodegradable*) yang nipis dan fleksibel serta mempunyai pemegang atau tidak di mana kegunaan beg plastik ini secara umumnya untuk sekali guna untuk setiap pembelian. Plastik bagi pembungkusan (*wrapper*) produk / minuman / makanan tidak termasuk sebagai kategori beg plastik yang dikenakan caj RM0.20 dalam kempen ini.

Kutipan caj penggunaan beg plastik ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumber hasil alternatif kepada PBT yang boleh digunakan kembali bagi menampung kos pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti mengadakan kempen dan program *Communication, Education dan Public Awareness* (CEPA) kepada penduduk setempat, mengadakan program penanaman pokok dan lain-lain program yang bersesuaian untuk menjamin kelestarian alam sekitar. Program atau kempen yang akan dilaksanakan ini boleh ditentukan melalui Jawatankuasa Akaun Amanah / Tabung Khas yang akan ditubuh oleh PBT masing-masing kelak.

5. PUNCA KUASA

Pelaksanaan kempen ini akan dikuatkuasakan melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab”

Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan supaya turut serta dalam pelaksanaan kempen ini.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

6. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

Garis Panduan umum pelaksanaan kempen ini dan borang-borang berkaitan telah disediakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan cadangan garis panduan yang telah diselaraskan untuk pelaksanaan kempen ini di negeri Perak adalah seperti berikut:

6.1 PENDAFTARAN PREMIS PERNIAGAAN DENGAN PBT

- i. Premis perniagaan yang wajib berdaftar adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi seperti berikut: -
 - a) Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);
 - b) Pasaraya Besar (*Supermarket*);
 - c) Pasaraya Serbaneka (*Departmental Store*);
 - d) Kedai Serbaneka (*Convenient Store*);
 - e) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - f) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - g) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - h) Farmasi (*Pharmacy*); dan
 - i) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan dalam senarai ini pada masa akan datang (*others*).
- ii. Pasar awam dan penjaja gerai adalah **dikecualikan** daripada syarat-syarat tambahan atau pembaharuan lesen perniagaan ini.
- iii. Setiap premis perniagaan yang disenaraikan di bawah para 6.1 (i) sama ada membekalkan atau tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna perlu berdaftar dengan PBT yang berkaitan.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI
PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK**

- iv. Pendaftaran kempen ini disyorkan bermula pada **1 Oktober 2022** dan setiap premis perniagaan sedia ada di para 3.7(A)(i) diberi tempoh selama tiga (3) bulan untuk membuat pendaftaran dalam kempen ini. Kempen ini akan berkuatkuasa pada **1 Januari 2023**.
- v. Setiap premis perniagaan baharu di bawah para 6.1 (i) yang baru memulakan perniagaan bermula **1 Oktober 2022** dan seterusnya perlu serta merta berdaftar dengan kempen ini serentak bersama-sama permohonan lesen premis perniagaan melalui PBT.
- vi. Satu pendaftaran adalah hanya untuk satu premis perniagaan. Bagi perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.
- vii. Lokasi dan masa pendaftaran bagi kempen ini adalah tertakluk kepada kesesuaian oleh PBT masing-masing.
- viii. Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan **Borang CP-A (LAMPIRAN 1)** dan disertakan bersama sesalinan photostat:-
 - a) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); dan
 - b) Lesen Premis Perniagaan.
- ix. Setiap premis perniagaan yang berdaftar akan diberikan **nombor pendaftaran khusus oleh PBT berkaitan** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan kempen ini.
- x. Nombor pendaftaran yang diberikan adalah unik bagi setiap permohonan mengikut daerah dan jenis premis. Nombor pendaftaran yang diberikan akan **kek**al dengan premis perniagaan selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI
PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK**

- xi. Setiap maklumat premis yang berdaftar mesti direkodkan dalam **daftar premis** dan diselenggara dengan teratur oleh setiap PBT berkaitan. Maklumat yang perlu dimasukkan dalam daftar ini adalah sebagaimana maklumat yang diberikan oleh pemohon dalam **Borang CP-A (LAMPIRAN 1)**.
- xii. Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **Sijil Penyertaan Premis Kempen Tiada Beg Plastik (LAMPIRAN 2)** yang membenarkan premis perniagaan membuat kutipan RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pengguna.
- xiii. Setiap helai **Sijil Penyertaan Premis Kempen Tiada Beg Plastik (LAMPIRAN 2)** yang dikeluarkan mesti dikawal dan direkodkan bersama **daftar premis**. Sijil ini adalah eksklusif kepada perniagaan atau premis yang memohon dan tidak boleh dipinjam atau pindahmilik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain.
- xiv. **Sijil Penyertaan Premis Kempen Tiada Beg Plastik** mesti dipamerkan dengan jelas untuk dilihat oleh pengguna sebagai bukti kebenaran untuk membuat kutipan RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna.
- xv. Hanya premis perniagaan berdaftar sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan.
- xvi. Premis perniagaan yang membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui pembatalan lesen premis perniagaan.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

- xvii. Pendaftaran Program kempen ini hanya sah untuk tempoh **satu (1) tahun** dan perlu diperbaharui setiap tahun apabila tamat tempoh yang ditetapkan. Tempoh sah laku Sijil Penyertaan kempen ini akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.
- xviii. Pendaftaran kempen ini perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

6.2 KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK OLEH PREMIS PERNIAGAAN

- i. Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar dengan kempen ini dibenarkan untuk mengenakan caj sebanyak **RM0.20 bagi setiap helai beg plastik** yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat bayaran.
- ii. Petugas kaunter di premis perniagaan yang telah berdaftar tersebut **perlu memaklumkan kepada pelanggan** caj yang dikenakan sekiranya pelanggan memerlukan beg plastik untuk kegunaannya.
- iii. Pemilik premis digalakkan untuk merekod pengeluaran beg plastik yang diberikan kepada pelanggan dan jumlah kutipan harian bagi tujuan semakan oleh PBT berkaitan sebelum serahan terkumpul (setiap bulan) dilakukakan.

6.3 PENYERAHAN HASIL KUTIPAN KEPADA PBT

- i. Kutipan terkumpul bagi penggunaan beg plastik di premis perniagaan terlibat dengan kempen ini perlu diserahkan kepada PBT yang berkaitan **selewat-lewatnya pada 15 haribulan setiap bulan berikutnya** atau **berdasarkan tempoh yang akan ditentukan oleh PBT masing-masing**.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI
PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK**

- ii. Satu kaedah rekod serahan dan pemantauan perlu diadakan di PBT untuk memastikan setiap premis berdaftar tersebut membuat serahan kutipan.
- iii. Serahan kutipan kepada PBT perlu menggunakan **Borang CP-S (LAMPIRAN 3)** beserta maklumat inventori stok beg plastik perniagaan dan dikemukakan di kaunter bayaran PBT yang berkaitan.
- iv. Serahan kutipan perlu diserahkan secara tunai atau menggunakan cek atas nama PBT berkaitan mengikut kawasan premis perniagaan yang didaftarkan di dalam kawasan Majlis.
- v. Serahan kutipan mesti diserahkan secara individu mengikut premis perniagaan yang didaftarkan menggunakan **Borang CP-S (LAMPIRAN 3)** mengikut premis perniagaan beserta wang tunai / cek bagi kutipan.
- vi. Serahan kutipan mesti dibuat di kaunter urusan di PBT berkaitan pada hari dan masa kaunter dibuka yang ditentukan oleh PBT berkenaan.
- vii. Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan dibenarkan membuat serahan secara tunai atau menggunakan satu cek secara bersekali. Walau bagaimanapun, **Borang CP-S (LAMPIRAN 3)** masih perlu diisi mengikut premis yang didaftarkan.
- viii. PBT akan mengeluarkan resit sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan juga akan dijadikan syarat bagi memperbaharui lesen premis perniagaan.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

6.4 PENGECUALIAN KUTIPAN

- i. Premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT untuk melaksanakan kempen ini dan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna perlu juga membuat serahan bulanan kepada PBT menggunakan **Borang CP-S (LAMPIRAN 3)** dengan **deklarasi tiada kutipan**.
- ii. Premis perniagaan yang menyerahkan **BORANG CP-S (LAMPIRAN 3)** dengan **deklarasi tiada kutipan selama tiga (3) bulan berturut-turut** boleh mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada PBT bagi pengecualian daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya dengan menggunakan **Borang CP-F (LAMPIRAN 4)**.
- iii. Semakan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan bahawa premis perniagaan berkenaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna melalui rekod-rekod pengeluaran dan stok beg plastik di premis berkenaan.
- iv. Premis perniagaan yang telah disahkan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna akan diberikan **Sijil Premis Bebas Beg Plastik Negeri Perak (LAMPIRAN 5)**.
- v. Premis perniagaan perlu menyerahkan **Sijil Penyertaan Premis Kempen Tiada Beg Plastik (LAMPIRAN 2)** kepada PBT sebagai syarat untuk digantikan dengan **Sijil Premis Bebas Beg Plastik Negeri Perak (LAMPIRAN 5)** yang perlu dipamerkan di premis perniagaan.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK MELALUI PENGENAAN CAJ PENGGUNAAN BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PADA HARI SABTU SETIAP MINGGU DI NEGERI PERAK

- vi. Premis perniagaan yang telah diberikan **Sijil Premis Bebas Beg Plastik Negeri Perak (LAMPIRAN 5)** tidak perlu lagi membuat serahan kutipan bulanan kepada PBT yang berkaitan.
- vii. **Sijil Premis Bebas Beg Plastik Negeri Perak (LAMPIRAN 5)** perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan setelah ianya tamat tempoh.

7. PENUTUP

Garis panduan pelaksanaan kempen pelaksanaan kempen tiada beg plastik melalui pengenaan caj penggunaan beg plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada hari Sabtu setiap minggu di negeri Perak (Tahun 2022) ini diwujudkan sebagai rujukan untuk pihak-pihak berkepentingan yang terlibat. Kerajaan Negeri Perak berhak meminda dan menambahbaik garis panduan ini berpandukan kepada keperluan polisi terkini yang akan disemak dari semasa ke semasa.